



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1997

---

KADAR GAJI HARIAN, ELAUN DAN KEMUDAHAN  
ANGGOTA SAMBILAN DALAM SEKTOR AWAM -  
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1994

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda peruntukan **cuti rehat bergaji penuh** dan memperjelaskan mengenai pemakaian [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1994](#).

**PINDAAN DAN PENJELASAN**

2. Pindaan pekeling tersebut adalah seperti berikut-

- 2.1. **Cuti Rehat Bergaji Penuh**

- 2.1.1. Anggota sambilan layak diberi **satu hari cuti rehat bergaji penuh** bagi **setiap kali genap 27 hari bekerja** tetapi tidak melebihi tujuh (7) hari cuti rehat dalam **satu tahun kalendar**. Baki cuti rehat yang tidak

diambil, **tidak boleh** dibawa ke tahun berikutnya.

2.1.2. Cuti rehat yang tidak diambil, tidak boleh diganti dengan gaji harian termasuk untuk maksud menamatkan perkhidmatan.

3. Penjelasan mengenai pemakaian [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1994](#) adalah seperti berikut-

### 3.1. Gaji Harian

3.1.1. Kadar Gaji Harian bagi anggota sambilan hendaklah ditetapkan **mengikut gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan**, sebagaimana dinyatakan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#), dan pindaan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996](#) serta apa-apa peraturan yang dipinda daripada semasa ke semasa atau mengikut skim perkhidmatan terbaharu yang berkuatkuasa. Bagaimanapun jumlah gaji harian sebulan anggota sambilan, **tidak boleh melebihi** gaji permulaan bulanan dalam skim perkhidmatan yang ditawarkan.

3.1.2. Sekiranya anggota sambilan yang dilantik tidak mempunyai skim perkhidmatan, perlantikan mereka hendaklah ditamatkan sebaik sahaja tempohnya tamat. Bagaimanapun, sekiranya anggota tersebut perlu dilantik semula, perlantikannya hendaklah dibuat berasaskan **skim perkhidmatan sedia ada** yang sedang

berkuatkuasa dan gaji hariannya hendaklah dibayar mengikut gaji dalam skim perkhidmatan yang ditawarkan, sepertimana dinyatakan di perenggan 3.1.1 di atas.

### **3.2 Kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) Dan Bayaran Insentif Wilayah (BIW)**

3.2.1. Kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) dan Bayaran Insentif Wilayah (BIW) yang boleh dibayar kepada anggota sambilan (tertakluk kepada kategori masing-masing) hendaklah **tidak melebihi kadar ITKA/BIW** sebulan mengikut gred jawatan sebagaimana ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996](#).

### **TARIKH KUATKUASA**

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **PEMBATALAN**

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka perenggan 4.1.2, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1994](#) adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

24 Mac 1997.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan